KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN			
TARIKH	:	28.02.22	MUKA SURAT	:	32
JABATAN	:	PERHILITAN			



MOHD. Sahbari Abd. Rahman (dua dari kiri) bersama beberapa rakannya mengangkat kembali pintu pagar yang dirobohkan oleh gajah liar di Kampung Pinang, Mukim Pedu, Padang Terap semalam.

Gajah musnah tanaman penduduk

Oleh MOHD RIFAAT ABD HAMID
utusannews@mediamulia.com.my

PADANG TERAP: Lebih 100 keluarga di Kampung Pinang, Mukim Pedu di sini ketakutan selepas sekumpulan gajah menceroboh dusun dan kebun pisang mereka semalam.

Penduduk mendakwa, haiwan itu kemungkinan tinggal di Bukit Mat Gak yang terletak kira-kira dua kilometer dari kampung tersebut.

Menurut penduduk, Ahmad Hanapi Adam, 58, berkata, dia terkejut apabila melihat banyak pokok pisang dan buah-buahan rosak sedangkan tiada kejadian ribut.

"Semasa dalam perjalanan ke kandang lembu, saya mendapati banyak pokok pisang rosak dan apabila menjumpai najis gajah dan saya pasti kawasan itu diceroboh oleh haiwan tersebut.

"Bimbang dengan kejadian itu, saya turut menghubungi beberapa kawan bagi melihat kejadian itu," katanya ketika ditemui di Kampung Pinang, Mukim Pedu di sini semalam.

Menurut Ahmad Hanapi, sebelum ini, gajah pernah menceroboh kawasan berkenaan lima tahun lalu.

"Saya yakin haiwan itu masuk kampung itu untuk mencari makanan selepas banyak kawasan habitatnya diterokai," ujarnya.

Mohd. Sahbari Abd. Rahman, 53, pula berkata, beliau yakin kumpulan gajah itu sering berkeliaran di kawasan berkenaan selepas seekor daripadanya dijumpai mati tidak jauh dari kampung tersebut baru-baru ini.

Katanya, jarak bangkai gajah itu dari kampung berkenaan kira-kira dua kilometer sahaja.

"Bagaimanapun, nasib baik gajah liar itu tidak merosakkan keseluruhan tanaman dan hanya pokok pisang sahaja menjadi sasarannya," katanya.

Sementara itu, Ketua Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Padang Terap/Sik, Zulkifli Othman berkata, pihaknya sudah mengarahkan lima anggotanya mengawasi kawasan kampung tersebut sejak semalam.